

25 AUG 1998

Ling-Merdeka

HAYATI SEJARAH LAMPAU SUPAYA NEGARA KUKUH: LING

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata rakyat perlu menghayati sejarah perjuangan pemimpin masa lampau untuk mengukuhkan perpaduan, faktor penting bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata pemimpin lalu telah meletakkan asas-asas pembangunan yang kukuh termasuk perpaduan rakyat sehingga negara dapat mencapai kemajuan.

"Bila sampai musim Merdeka, kita perlu ingati jasa-jasa pemimpin lepas dan juga sekarang khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berusaha keras mengatasi kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen "Cintai Malaysia - Hantar Kad Merdeka" hari ini.

Dr Ling berkata rakyat harus menggunakan kegawatan ekonomi sekarang sebagai peluang terbaik bagi memperkukuhkan disiplin, komitmen dan perpaduan antara kaum yang sangat diperlukan untuk membantu kepimpinan negara memulihkan ekonomi secepat mungkin.

Kempen memupuk semangat patriotisme sempena hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini melibatkan empat juta kad yang dicetak di dalam akhbar harian Nanyang Siang Pau terbitan hari ini yang ditaja oleh beberapa buah syarikat.

Dr Ling menggalakkan orang ramai menghantar ucapan Hari Merdeka ke-41 ini dengan menggunakan kad tersebut bagi mengukuhkan perpaduan dan semangat cintakan negara.

Mereka juga boleh menghantarnya melalui internet dengan menggunakan alamat www.MerdeKAD.com. Ucapan boleh dihantar kepada pemimpin negara atau di kalangan rakyat sendiri.

Sementara itu ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Pertandingan Penulisan Esei Politik bertajuk "Bangsa Malaysia" anjuran Biro Publisiti MCA di sini, Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata sikap baik seperti kejujuran, amanah dan tanggungjawab harus menjadi asas melahirkan satu bangsa Malaysia.

Dalam konteks itu, rakyat Malaysia harus bersatu padu menyokong Perdana Menteri menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, katanya.

Pada majlis ini, Dr Ling turut melancarkan buku "New Malaysian" terbitan MCA dalam Bahasa Cina.

-- BERNAMA

RV MHI NMO